

Primavera Gadis Jelita Andalus

“Primavera” dalam bahasa Sepanyol ertinya “Musim Bunga”, dan nama musim itu pernah dinamakan kepada seorang gadis, terutama jika gadis itu seorang yang cantik dan jelita. Ini salah sebuah kisah seorang gadis jelita Andalus.

Daun-daun hijau menyelimuti gunung-ganang yang berjijiran di sepanjang lembah subur yang diairi oleh sebuah anak sungainya, hawa pagi yang bersih tambah semarak diharumi oleh bau-bauan bunga yang menambahkan indahnya pandangan di sekitar tempat itu. Bunga-bunga yang sedang kembang mekar yang berwarna-warni menambah lagi kecantikan pandangan di sekitar lembah itu.

Itulah dia pandangan Andalus di musim bunga. Menambah kejelitaan pandangannya kerana adanya sebuah istana tersergam dikelilingi oleh pagar indah yang seolah-olah memeluk sambil melindungi istana itu daripada sebarang gangguan.

Istana itu terletak pada sebuah kawasan suci di ibu kota Qurtubah (Cordoba), tempat kediaman seorang keturunan “Quraisy” bernama Abdul Rahman yang bergelar “Helang Quraisy” kerana keberaniannya dan kepahlawannya yang luar biasa. Dibinanya istana itu berbentuk seperti sebuah istana di negeri Sham untuk mengenang kembali kemegahan dan keagungan datuk neneknya di zaman Damsyik sebagai ibu kota kepada pusat pemerintahan Islam di zaman Khalifah Bani Umayyah.

Abdul Rahman adalah di antara saki baki kaum Umayyah yang dapat melarikan diri daripada buruan

tentera-tentera “Bani Abbas” dengan keluarganya, kemudian menyembunyikan diri lebih daripada lima tahun di benua Afrika, setelah itu masuk pula ia ke Andalus pada tahun 137 Hijrah bersamaan tahun 755 Masihi. Dengan demikian dapatlah ia menetap di Cordoba lalu membina sebuah kerajaan “Bani Umayyah” yang baharu, untuk mengembalikan keagungan datuk neneknya.

Abdul Rahman bernasib baik, kerana segala yang dilakukannya dan segala perjuangannya diikuti oleh kemenangan-kemenangan yang gemilang, hingga dapat ia mendirikan istananya yang indah setelah tetap segala keadaannya dan keadaan tenteranya.

Pada tahun 163 Hijrah bersamaan tahun 780 Masihi, datanglah musim bunga dan musim bunga pada tahun itu dianggap sebagai suatu masa yang lebih indah daripada keadaan biasanya pada tahun-tahun yang lalu. Abdul Rahman seperti kebiasaannya duduk bersemayam di istana dikelilingi oleh orang-orang besarnya dan beberapa orang-orang lain yang sangat didampinginya.

Mereka menganggap bahawa istana itu adalah seperti syurga yang dicipta untuk puak “Bani Umayyah”, setiap diadakan pesta atau samrah, mereka akan dikelilingi oleh jariah-jariah yang cantik jelita, yang

mendengarkan lagu-lagu dari suara lemak merdu mereka. Abdul Rahman juga rupanya dikenali sebagai seorang penyair bangsanya yang tak kalah kedudukannya dengan penyair-penyair yang lain kerana itu bila ia mendengar segala lagu-lagu yang dinyanyikan oleh jariah-jariahnya yang cantik jelita, terkenanglah ia kepada keagungan zaman pemerintahan datuk neneknya di kota Baghdad, kemudian terpandang ia kepada sebatang pohon kurma yang tinggi memanjang, dengan daun-daunnya yang menghiжай subur dan tindih-menindih antara satu pelepah dengan yang lain hingga membalut seolah-olah melindungi buahnya supaya jangan panas kekeringan sebelum masanya, terkenanglah ia kembali ke beberapa tahun dahulu, di mana ia sendiri pernah menanam pohon kurma di halaman rumahnya, apakah yang terjadi sekarang ini?

Pemandangan-pemandangan yang seindah itu mengilhamkan kepadanya untuk bersyair, dan dengan tidak semena-mena dapat ia mengeluarkan kata-kata hatinya:

*Dari lurus dan rampingnya pohon kurma
Daun-daunnya nan subur menaungi buah-buahan
Terkenang daku ke desa lama
Tanah airku yang telah berjauhan.*

*Akan dapatkah aku di tanah rantau ini
Setelah berjauhan dari sanak saudara
Mendirikan keagungan yang telah fani
Menggantikan tanah tempat tumpah darah.*

Beberapa pasang mata hadirin yang turut serta dalam pesta itu turut berkaca-kaca dan berlenangan air mata, daripada mulut mereka terlompat kata-kata “Allah!Allah!”, sedang hati turut gelisah. Di antara keriuhan dan kekaguman itu terdengar pula suara ratap tangis dari seorang wanita yang turut hadir dalam pesta samrah itu, tidak lama kemudian wanita jelita itu kelihatan melarikan diri ke ruang dalam istana dan Abdul Rahman

terus mengikutinya dari belakang, bila sampai berhampiran dengan gadis jelita itu Abdul Rahman dengan suara lemah-lembut lalu berkata:

“Aku faham apa yang kau kenang hai Primavera, dan segala yang kau kenang itu tidak bedanya dengan yang aku kenang dan yang dikenang oleh orang-orang lain. Engkau di sini samalah seperti aku dan orang-orang lain juga di sini, sebagai perantau yang jauh daripada tanah airnya. Andalus inilah yang akan menjadi tanah airmu dan tanah air ku. Adakah apa-apa yang menyebabkan engkau tidak senang selama berada di dalam jagaanku?”

Gadis jelita itu mendongakkan wajahnya menatap ketua dan raja yang selama ini telah menjaga dan memeliharanya ganti bapa dan saudara maranya. Kemudian ia menundukkan ulunya sambil mengesat air mata dengan lengan bajunya, sambil itu sempat jua ia memperlihatkan senyumnya yang bercampur sedih dan duka, lalu berkata:

“Tuanku! sebenarnya tidak ada apa-apa yang hamba susahkan semenjak hamba dalam jagaan Tuanku, malahan segala anugerah yang tuanku berikan kepada hamba adalah berlebih-lebihan, hanya Tuhan sahajalah yang akan membalas segala kebaikan Tuanku itu. Tetapi segala kesenangan dan kemewahan yang hamba dapati itu, tidak dapat melupakan hamba kepada keluarga hamba dan kampung halaman yang telah lama hamba tinggalkan. Tempat tumpah darah hamba yang asal, dan rupanya perasaan seperti itu juga yang tuanku rasakan”.

“Kalau demikian engkau masih juga ingin melihat kampung halamanmu dan untuk mencari keluargamu?”

“Benar tuanku!”

“Kalau demikian, akan aku perintahkan esok supaya engkau keluar dari istana ini diiringi oleh

seorang pahlawan kepercayaan, pergilah lihat dan berjalanlah ke mana sahaja yang engkau kehendaki”.

* * *

Sebelum peristiwa itu berlaku, kira-kira sepuluh tahun yang lalu, seorang gadis jelita telah berlari-lari mendapatkan istana Abdul Rahman yang terletak di Cordoba untuk meminta perlindungan, gadis jelita itu kemudiannya tidak pernah keluar daripada istana itu melainkan diiringi oleh pengawal-pengawal dan inang pengasuh yang dikhaskan untuknya.

Gadis jelita itu ialah Primavera yang telah dilahirkan dan dibesarkan di sebuah perkampungan yang berdekatan dengan gunung-ganang di selatan bumi Sepanyol. Ia adalah anak dari seorang ketua kaum di daerahnya, seorang ketua yang bersemangat kebangsaan yang pernah memimpin pasukan tentera untuk memerangi orang-orang Arab, kerana benci pada orang-orang Arab, tetapi sebelum dapat ditentukan kalah menangnya di pihak mana, di antara mereka orang-orang Sepanyol sesama sendiri telah berlaku pertelingkahan yang menyebabkan mereka sesama sendiri berperang saudara. Dan perang saudara itu tidak mudah dapat diselesaikan, kerana antara mereka sesama mereka sentiasa menyimpan perasaan dendam kesumat yang tidak mudah dilupakan. Jika tidak dapat mengalahkan lawannya dengan berterang-terangan, dilakukannya pula dengan cara menyerang hendap dan memukul dari belakang.

Dalam peristiwa-peristiwa yang berlaku seterusnya, terbunuhlah ayah yang amat disayangi oleh gadis jelita itu, sedang abangnya yang tertua juga terbunuh oleh ayah saudaranya sendiri, adik lelakinya dapat melarikan diri ke hutan beserta orang-orang lain untuk mengatur serangan-serangan balas yang akan dilakukan oleh mereka terhadap lawannya. Kerana itulah gadis jelita itu

melarikan diri dari rumah dan kampung halamannya dan meminta perlindungan dari Raja Abdul Rahman di istananya itu.

Itulah serba sedikit riwayat hidup Primavera yang ertinya dalam bahasa Sepanyol “musim bunga”, lalu digelar oleh orang-orang Arab gadis itu sebagai “rabiī” yang mengandungi erti yang sama.

Gadis itu telah beberapa kali mencuba bertanya-tanya hal adik lelakinya yang telah melarikan diri ke hutan untuk membuat perhitungan dan untuk membela kematian ayah dan abangnya, tetapi segala percubaannya dan segala ikhtiar yang dilakukan untuk mendapatkan khabar adik lelakinya itu gagal dan sia-sia. Dan daripada beberapa orang pedagang dapat pula ia kepastian yang mengatakan bahawa ayah saudaranya dengan tiga orang anak-anaknya yang menyebabkan kematian ayahnya sendiri pada masa perang saudara itu telah mati di dalam perang melawan tentera-tentera Islam atau kerana mati dalam peperangan saudara.

Primavera yang berasal dari keluarga Sepanyol itu telah biasa dan jinak dengan orang-orang Islam yang berkuasa di negeri itu, dalam istana itu ia sudah dianggap bukan sebagai orang asing lagi, ia telah lancar dan mahir bertutur dengan bahasa Arab, keluarga diraja dalam istana itu menghormatinya seolah-olah ia salah seorang daripada keluarga mereka itu sendiri. Kerana itu pula ia terus menerus mahu hidup di samping mereka, terhiburlah segala duka nestapa yang pernah dialaminya, biar pun demikian ia masih tetap berkabung di atas kematian dan kehilangan ayah bonda dan saudara maranya itu.

Pada suatu hari Raja Abdul Rahman menawarkan supaya ia sudi kahwin dengan salah seorang keluarganya juga, yang tidak kurang mempunyai rupa

paras yang kacak dan kedudukan yang tinggi di antara kaum bangsanya, tetapi tawaran itu dengan manis ditolakny, ia menyatakan belum bersedia untuk berumahtangga, selagi raja itu sudi melindunginya di bawah naungannya. Hanya ia membuat perjanjian setelah ia mengetahui kelak bagaimana dan apa yang telah berlaku kepada adik lelakinya, tatkala itu baharulah ia sedia akan berkahwin atau mendirikan rumahtangga dengan orang yang dipilihnya sendiri.

* * *

Berlalulah masa yang demikian itu hingga 10 tahun kemudian, gadis tersebut telah berumur dua puluh lima tahun, tetapi bererti di mana dan apa yang telah berlaku kepada adiknya belum juga didapati hingga menyebabkan ia terasa putus asa dan bangkitlah keinginannya untuk melihat gunung-ganang di desa tempat tumpah darahnya, ingin menyedut udara dan bermanja-manja dengan angin di desanya yang pernah melambai dan menghuraikan rambutnya di masa ia kecil dahulu, ingin merasai lagi air yang pernah ditadah dengan kedua belah tapak tangannya daripada mata air yang berpancutan dari sumbernya. Dan segala keinginannya ini pada suatu hari dinyatakan kepada Raja Abdul Rahman, segala rahsia hati anak gadis ini amat menusuk hati raja itu, ia khuatir kalau-kalau disampaikan segala hajat hati anak gadis itu akan menyebabkan ia menderita dan merana, sedang ia seorang gadis yang tidak lagi berayah dan beribu serta sanak saudara. Sampailah pada malam pesta samrah yang diadakan di istananya hingga dapat ia mencipta syair yang sebenarnya juga terkeluar daripada hati rindunya terhadap tanah air yang pertama, maka bila gadis itu tersedu sedan menangis setelah mendengar syair yang diucapkannya itu, tahulah ia apa yang sebenarnya terbuku di hati gadis jelita itu.

Pada esok harinya ia membenarkan satu rombongan pasukan berkuda keluar dari istana Cordoba, diketuai oleh Panglima Harith bin Ammar seorang panglima muda yang amat dikasihi oleh Abdul Rahman, mengiringi gadis jelita Primavera untuk pergi dan bersiar-siar ke mana sahaja yang dikehendaki oleh keinginan hati gadis jelita itu.

Primavera seperti orang-orang lain juga dalam pasukan itu menunggangi seekor kuda berjalan berhampiran dengan Panglima Harith. Tidak berapa minggu mereka mengembara itu, dengan perintah dari Primavera rombongan tersebut diminta berpatah balik menuju ke arah istana dengan membawa perubahan yang tidak disangka-sangka pada wajah gadis jelita itu, kalau dalam masa pemergiannya dahulu wajahnya kelihatan sentiasa muram dan sugul, tetapi dalam perjalanannya kembali ke istana wajahnya kelihatan sentiasa berseri-seri, sedang senyumnya sentiasa menguntum di bibir mulutnya.

Beberapa minggu pengembaraan itu berjalan, sampailah mereka ke suatu pergunungan yang telah sepuluh tahun ditinggalkan oleh gadis jelita itu, puaslah hatinya bila melihat segala kampung halaman dan rumah-rumah di sekitarnya dahulu telah hancur musnah, lorong-lorong dan jalan-jalan rayanya sudah tidak dikenali lagi, hanya itu sahajalah yang menjadi keinginan hatinya untuk menyaksikannya dengan mata kepalanya sendiri, dalam kenangannya dapat ia mengambil kesimpulan bahawa ini adalah laknat tuhan yang telah diturunkan kepada mereka, orang-orang yang bermusuhan sama sendiri, hingga menyebabkan perang saudara, hancur musnah segala kampung halaman mereka.

Daripada punca yang boleh dipercayai juga ia dapat tahu bahawa adik lelakinya telah dapat menuntut bela di atas kematian ayah dan abang-abangnya, khabarnya dengan tangannya

sendiri adik lelakinya itu membunuh anak ayah saudaranya (sepupunya), tetapi akhirnya adik lelakinya itu juga terbunuh dalam suatu pertempuran antara tentera-tentera Islam dengan orang-orang Sepanyol.

Mendengar berita-berita itu Primavera menangis tersedu-sedu, tetapi akhirnya setelah ia menginsafi bahawa pembelaan di atas kematian orang tuanya dan abang-abangnya telah pun berlaku, untuk membuat pembelaan di atas kematian adik lelakinya itu bukan suatu perkara yang mudah, kerana selama ini ia terhutang budi kepada orang-orang Islam yang telah sekian lama memelihara dan melindunginya. Dikesatnya segala air mata yang bercucuran, dan ia membuat keputusan akan kembali ke istana dan akan terus menerus menjadi keluarga mereka yang selama ini telah mesra dengannya dan membalas baik serta berbudi kepadanya, akan

dianggapnya bahawa mereka itu bukanlah¹ sebagai musuh, tetapi adalah sebagai kawan-kawan yang telah memelihara dan melindunginya di masa mengalami kesusuahan dan derita.

Sampai sahaja ke istana ia berkejaran mengadap Raja Abdul Rahman yang telah dianggapnya seperti ayahnya sendiri, oleh Abdul Rahman diciumnya dahi anak gadis itu, sambil bertanya adakah perkhabaran yang dibawanya?

Sekali lagi Primavera menangis, dan tangisannya kali ini bukan berupa sedih atau kesal, malahan adalah tangisan suka bercampur gembira kerana ia benar-benar merasakan kasih sayang dari orang tua yang telah dianggapnya seperti ayahnya sendiri. Kemudian dengan sedu sedan ia menerangkan bahawa sekarang ini ia telah puas hati dan akan tetap tinggal di dalam istana

Orang Melayu Singapura terdesak hidup-nya!

Puncha-nya?:-

Bacha buku:

PERISTEWA-PERISTEWA SIASAH DI-TANAH MELAYU

OLEH: EDRUS.

Harga-nya \$3.00 – Pos 15 sen.

Q a l a m

356/8, GEYLANG ROAD,

SINGAPURA-14

¹ Perkataan yang sebenarnya adalah bukanlah

di mana ia telah dibesarkan dan dipelihara serta mendapat perlindungan, serta ia rela akan mati bersama-sama orang-orang Islam yang telah amat berjasa kepadanya.

Setelah reda daripada tangis, suasana menjadi meriah dan dicampur gelak ketawa, pada masa itu dengan secara bergurau Raja Abdul Rahman bertanya kepada gadis jelita itu:

“Dan sekarang.....adakah anakanda masih tetap dengan pendirian tidak juga mahu berkahwin?”

Dengan senyum malu sambil tersipu-sipu Primavera menjawab:

“Tidak ayahanda! Hamba telah berniat akan menarik sumpah anakanda itu, dan anakanda telah memilih akan berkahwin dengan seorang pemuda yang ayahanda sangat kasihi, jika mendapat kebenaran daripada tuanku.”

Raja Abdul Rahman belum mengerti siapakah yang dimaksudkan oleh gadis jelita itu, tetapi tiba-tiba masuk ke ruangan dewan istana itu Panglima Harith bin Ammar, ia memberi salam kemudian mencium tangan rajanya, dengan demikian fahamlah ia apa yang telah berlaku.

Di dalam perjalanan pergi dan balik rombongan Primavera itu, Panglima Harith bin Ammar sentiasa patuh kepada perintah-perintah rajanya supaya sentiasa berada berdekatan dengan gadis jelita itu dan hendaklah ia mengikut ke mana sahaja Primavera ingin pergi, supaya puas hatinya dapat melaksanakan apa yang dikehendakinya selama ini. Dalam pada itulah gadis jelita itu tertawa oleh kebaikan hati dan keikhlasan panglima muda itu pada menjaga dan mengawal dirinya, dan tumbuh dengan suburnya benih-benih asmara di dalam hati dua remaja itu, dan kedua-dua muda remaja itu telah mengambil kata sepakat akan mendirikan istana bahagia setelah

mendapat persetujuan daripada Raja Abdul Rahman.

Dengan mata yang bersinar-sinar tanda suka dan gembira Raja Abdul Rahman berkata:

Aku turut bersukacita, aku setuju perkahwinanmu berdua, kerana Harith sebenar-benarnya adalah panglima yang sangat kukasihi. Mudah-mudahan Allah memberi berkat di atas perkahwinan kamu berdua.”

Di dalam taman istana yang kukuh dan tersergam, di antara pokok bunga-bunga yang berasal dari tanah Damsyik lalu ditanam di tanah Andalus itu, yang kebajikannya ditanam sendiri oleh tangan-tangan pengawal-pengawal dan Panglima Harith sendiri, di sanalah diadakan pesta samrah kerana merayakan malam perkahwinan dua remaja yang telah saling bercinta itu, berbetulan pada pertengahan musim bunga tahun itu yang bersamaan dengan erti dan makna nama Primavera.

Raja Abdul Rahman pemerintah Andalus yang pertama, telah menghadiahkan untuk kedua mempelai yang disayanginya itu sebuah istana yang didirikan berhampiran dengan istananya. Hiduplah kedua suami isteri itu dalam aman bahagia, di bawah naungan raja yang sangat dikasihi oleh segala rakyatnya pada tahun 171 Hijrah bersamaan tahun 787 Masihi.



SUDAH TERBIT!

PERSURATAN MELAYU II

DRAMA

Harga \$7.00

Pesan kepada:-

QALAM

356/8 GEYLANG ROAD

Singapore 14.